

Contoh Kes **Rasuah** Sebenar



Contoh Kes **Rasuah** Sebenar

APA DILAKUKAN TERTUDUH DENGAN RM25 JUTA WANG RAMPASAN SPRM



TERTUDUH

SHAHNUM NIZAM BAHARUDIN, 41
Jawatan: Penguasa kanan SPRM
Berkhidmat dengan SPRM
sejak 2005

 BELI DUA BUAH MOTOSIKAL DUCATI	 BELI 8 JAM TANGAN MEWAH BERNILAI RM397,580 ANTARANYA JENAMA HUBLOT & ROLEX	 Mercedes-Benz BELI MERCEDES-BENZ A250 SPORT BERNILAI RM130,000	 SERAH RM1.4 JUTA KEPADA SEORANG RAKAN SEBAGAI 'PERSEDIaan' UNTUK DIJADIKAN MODAL PERNIAGAAN KAYU BALAK.
 HONDA BELI SEBUAH HONDA CIVIC TYPE R 2.4L TURBO BERNILAI RM290,030	 BELI SEBUAH PACUAN EMPAT RODA FORD RAPTOR 2.0 BERNILAI RM219,000	 BELI DUA BIDANG TANAH DI JERANTUT, PAHANG BERNILAI RM483,220	 BELI SEBUAH RUMAH DUA SETENGAH TINGKAT DI TAMAN SURIA WARISAN, KOTA WARISAN, SEPANG BERNILAI RM750,000.





Contoh Kes **Jenayah** Sebenar

Penjawat awam terima benda berharga tanpa balasan

Seksyen 165 – Kanun Keseksaan

Bekas ahli Parlimen Kota Tinggi hadapi 5 tuduhan terima benda berharga

Bernama · February 14, 2019 12:38 PM

80 Shares



Noor Ehsanuddin yang merupakan ahli Lembaga Pengarah Feldu diwakili mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 2 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan. (Gambar Bernama)

SHAH ALAM: Bekas ahli Parlimen Kota Tinggi, Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid sekali lagi dihadapkan ke mahkamah, kali ini di Mahkamah Sesyen di sini, atas 5 pertuduhan menerima benda berharga, iaitu penyelenggaraan 2 buah kenderaan dan yuran guaman bagi pembelian tanah bernilai RM12,707.60.

Anggota polis didenda RM1,500 terima suapan kes khalwat

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri · Mac 30, 2022 @ 11:15am
bhnews@bh.com.my



Abdul Hadi dijatuhi hukuman denda RM1,500 oleh Mahkamah Sesyen Ipoh di sini, hari ini selepas mengaku bersalah memperoleh suapan RM200 sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan ke atas pesalah khalwat, dua tahun lalu. -

Foto NSTP/Muhammad Zulsyamini Sufian Suri

IPOH: Anggota polis berpangkat Lans Koperal didenda RM1,500 oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini selepas mengaku bersalah menerima suapan RM200 sebagai dorongan tidak mengambil tindakan ke atas pesalah khalwat, dua tahun lalu.

Hakim M Bakri Abd Majid menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh, Lans Koperal Abdul Hadi Abu Bakar, 29, yang mengaku bersalah terhadap pertuduhan pilihan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan.



Contoh Kes Jenayah Sebenar

Pecah amanah jenayah Seksyen 403, 405, 407, 409 – Kanun Keseksaan

KES SRC: NAJIB RAZAK BERSALAH

- Bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dijatuhi hukuman **PENJARA 12 TAHUN & DENDA RM210 JUTA**
- Najib hadapi 7 pertuduhan menyeleweng dana SRC International Sdn Bhd berjumlah **RM42 JUTA**
- Mahkamah Persekutuan kekalkan sabitan & hukuman itu dalam pendengaran rayuan terakhir Najib pada 23 Ogos 2022
- Hukuman penjara 12 tahun bermula **23 OGOS 2022**
- Pendakwa diketuai Timbalan Pendakwa Raya ad hoc Datuk V. Sithambaram
- Peguam Hisyam Teh Poh Teik mewakili Najib

PANEL 5 HAKIM MAHKAMAH PERSEKUTUAN



Dipengerusikan
Ketua Hakim Negara
**Tun Tengku Maimun
Tuan Mat**



Hakim Besar
Sabah & Sarawak
**Tan Sri Abang Iskandar
Abang Hashim**



**Datuk Nallini
Pathmanathan**



**Datuk Mary
Lim Thiam Suan**



**Datuk Mohamad
Zabidin Mohd Diah**

Hakim Mahkamah Persekutuan



Datuk Seri Najib
Tun Razak

“ Mengenai keseluruhan bukti, kami mendapati sabitan ke atas semua 7 pertuduhan ke atas perayu adalah selamat. Kami juga mendapati hukuman yang dijatuhkan adalah tidak keterlaluan. Oleh itu, rayuan ini ditolak sebulat suara dan sabitan serta hukuman dikekalkan. ”

- Tun Tengku Maimun Tuan Mat

Diterbitkan:
23 Ogos 2022
Infografik Bernama

PENGHAKIMAN 15 MUKA SURAT:

- Najib tidak pernah pertikai RM42 juta didepositkan ke dalam akaun bank peribadinya sepanjang percabaran kes
- Teras pembelaan Najib adalah untuk mencabar elemen *mens rea* (niat melakukan jenayah) iaitu beliau nafikan pengetahuan bahawa dana itu daripada SRC
- Hakim Mahkamah Tinggi tidak terkhilaf dalam menilai semua keterangan dikemukakan berhubung pembelaan & tidak mempercayai naratif pembelaan
- Keputusan Mahkamah Tinggi mengenai pembelaan adalah betul
- Panel mendapati 'rungkutan' perayu sebagaimana terkandung dalam petisyen rayuan tidak mempunyai merit

PERTANYAAN RASUAH? IMBAS SINI:

Syed Saddiq kena 7 tahun, 2 sebatan dan denda RM10j

Bekas menteri bersalah empat pertuduhan, hukuman tangguh sementara rayuan ditail

yang dituduh itu, sementara itu, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah memutuskan bahawa bekas menteri itu bersalah atas empat pertuduhan. Beliau akan dikenakan hukuman penjara 7 tahun dan dua sebatan serta denda RM10 juta.

Keputusan itu dibuat oleh panel hakim Mahkamah Persekutuan yang diketuai oleh Ketua Hakim Negara Tun Tengku Maimun Tuan Mat.

KRONOLOGI KES SYED SADDIQ

2017 Syed Saddiq ditugaskan sebagai Menteri Kanan Muda di bawah kerajaan Pakatan Harapan.

2018 Syed Saddiq ditugaskan sebagai Menteri Kanan Muda di bawah kerajaan Pakatan Harapan.

2019 Syed Saddiq ditugaskan sebagai Menteri Kanan Muda di bawah kerajaan Pakatan Harapan.

2020 Syed Saddiq ditugaskan sebagai Menteri Kanan Muda di bawah kerajaan Pakatan Harapan.

2021 Syed Saddiq ditugaskan sebagai Menteri Kanan Muda di bawah kerajaan Pakatan Harapan.

2022 Syed Saddiq ditugaskan sebagai Menteri Kanan Muda di bawah kerajaan Pakatan Harapan.

2023 Syed Saddiq ditugaskan sebagai Menteri Kanan Muda di bawah kerajaan Pakatan Harapan.





Keputusan itu dibuat oleh panel hakim Mahkamah Persekutuan yang diketuai oleh Ketua Hakim Negara Tun Tengku Maimun Tuan Mat.

Keputusan itu dibuat oleh panel hakim Mahkamah Persekutuan yang diketuai oleh Ketua Hakim Negara Tun Tengku Maimun Tuan Mat.

Keputusan itu dibuat oleh panel hakim Mahkamah Persekutuan yang diketuai oleh Ketua Hakim Negara Tun Tengku Maimun Tuan Mat.

Contoh Isu INTEGRITI Dalam Pengurusan Projek / Perolehan



Isu pengambilan tanah yang berlarutan sejak 2014



Contoh Isu INTEGRITI Dalam Pengurusan Projek / Perolehan



Isu pengambilan tanah yang berlarutan sejak 2014

PERTANYAAN
RASUAH?
IMBAS SINI :



Contoh Isu INTEGRITI Dalam Pengurusan Projek / Perolehan



Isu pengambilan tanah yang berlarutan sejak 2014

Contoh Isu INTEGRITI Dalam Pengurusan Projek / Perolehan



**Lif Pesakit, Aras 3
- Saiz/Ruang Lif Yang Tidak Sesuai
(20.05.2015)**

Contoh Isu INTEGRITI Dalam Pengurusan Projek / Perolehan

Tiang Yang Menghalang Laluan Kenderaan, Pesakit dan Kakitangan Di Wad Kecemasan



**Lokasi: Wad Kecemasan
Tarikh: 30 Oktober 2015**



Contoh Isu INTEGRITI Dalam Pengurusan Projek / Perolehan



Fokus ke Tidak 2.0

**Apakah seksyen bagi
kesalahan memberi atau
menawar rasuah berdasarkan**

Akta SPRM 2009

slido

Please download and install the Slido app on all computers you use



Apakah seksyen bagi kesalahan memberi atau menawar rasuah di bawah Akta SPRM 2009?

i Start presenting to display the poll results on this slide.



4 Kesalahan Utama RASUAH

Seksyen 16(a) & 17(a)

Meng**AMBIL** / Meminta / menerima rasuah

AMBIL

Seksyen 16(b) & 17(b)

Menawar / Mem**BERI** rasuah

BERI

Seksyen 18

Mengemukakan tuntutan palsu / false **CLAIM**

CLAIM

Seksyen 23

Menggunakan **KEDUDUKAN** / jawatan untuk suapan

KEDUDUKAN



Akta SPRM
2009

Fokus ke Tidak 2.0 

PERTANYAAN
RASUAH?
IMBAS SINI :





HADIAH SUMBANGAN, KERAJIAN DAN TAJAAN

boleh menjadi



**R
A
S
U
A
H**



PEMAKLUMAN PINDAAN

**Ceraian UP.7.2.5,
Pekeliling
Perkhidmatan
Sumber Manusia
Versi 1.0 (2022)
(Versi kemaskini
terbaru pada 16
Januari 2024)**



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Ara 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-8008202
Faks: 603-8082187
Laman Web: www.paga.gov.my

Rujukan : JPA (S) 600-1/3/8 JLD. 3 (6)
Tarikh : 16 Januari 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PINDAAN PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA
CERAIAN UP.7.2.5: PENGURUSAN PENERIMAAN ATAU
PEMBERIAN HADIAH, KERAIAN DAN TAJAAN DALAM
PERKHIDMATAN AWAM**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, tatacara mengenai pengurusan penerimaan atau pemberian hadiah bagi pegawai awam diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian U.P.7.2.5.
3. Bagi memantapkan pelaksanaan tatacara berkenaan, penambahbaikan terhadap pekeliling ini telah dilaksanakan antaranya mewujudkan langkah pencegahan, elemen pemantauan di peringkat Ketua Jabatan, pengurusan sumbangan semasa bencana, peraturan

Perangka Pembaharuan, Penggerak Perubahan
Leading Matters, Driving Change



Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Ara 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

JPA (S) 600-1/3/8 JLD. 3 (6)

mengenai tajaan daripada pihak luar bagi tujuan menghadiri kursus, penyelidikan dan sebagainya. Langkah ini diambil bertujuan untuk memelihara keutuhan, memantapkan tatakelola serta mengukuhkan sifat amanah dan tanggungjawab berpaksikan nilai integriti dikalangan pegawai awam.

4. Bersama-sama ini dikemukakan MyPPSM Ceraian U.P. 7.2.5: Pengurusan Penerimaan Atau Pemberian Hadiah, Keraian Dan Tajaan Dalam Perkhidmatan Awam yang juga boleh dicapai melalui portal MyPPSM sebagai panduan untuk menjelaskan pengurusan pemberian dan penerimaan hadiah, keraian dan tajaan. Ceraian ini berkuatkuasa mulai tarikh surat ini ditandatangani.

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Ceraian ini secara keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.


"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menandatangani,

(DATO' SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)





***Imbas Kod QR untuk
muat turun :***

***Ceraian UP.7.2.5,
Pekeliling
Perkhidmatan
Sumber Manusia
Versi 1.0 (2022)
(Versi kemaskini
terbaru pada 16
Januari 2024)***

DEFINISI HADIAH

pemberian (kerana penghargaan, untuk kenang-kenangan, sebagai penghormatan) : ganjaran ikhlas, hadiah yang diberikan dengan ikhlas (**tanpa mempunyai tujuan tertentu di sebaliknya**);



- Kamus Dewan, Edisi Keempat

DEFINISI SUMBANGAN

*apa-apa yang diberikan
sebagai bantuan atau
sebagai sokongan;
pertolongan:*



- Kamus Pelajar Bahasa Melayu, DBP

MAKSUD HADIAH / SUMBANGAN

*Berdasarkan kepada Perenggan 4(a), Ceraian UP.7.2.5,
Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022)
(Versi kemaskini terbaru pada 16 Januari 2024)*

Harta Alih
Wang Tunai, Mata Wang Kripto
Syer, Saham, Tiket Loteri
Debentur, Bon, Sekuriti
Peralatan dan Kelengkapan
Kenderaan, Barang Kemas
Perabot, Hamper, Perhiasan
Cenderamata / Harta Intelek

Harta Tak Alih
Tanah
Tempat Kediaman
Bangunan

Keistimewaan / Perkhidmatan
Pakej Percutian
Keahlian Kelab
Hiburan
Aktiviti Sukan dan Riadah
Diskaun, Rebat, Komisen
Lesen
Penyelenggaraan Rumah
Baik pulih kenderaan

DEFINISI KERAJIAN

**jamuan (untuk memuliakan, dll):
suatu majlis**



- *Kamus Dewan, Edisi Keempat*

DEFINISI KERAJIAN


*jamuan untuk
menghormati dan
mengalu-alukan
tetamu*



- Perenggan 32, Ceraian UP.7.2.5,
Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022)
(Versi kemaskini terbaru pada 16 Januari 2024)



CONTOH KERAIAAN :



DEFINISI TAJAAN

“sesuatu yang ditaja termasuk kemudahan pembiayaan, yuran/ bayaran pendaftaran, tambang perjalanan, tempat penginapan, perbelanjaan makan dan minum dan apa-apa kemudahan/ perbelanjaan lain yang berkaitan bagi tujuan rasmi seperti kursus, pengajian, latihan, bengkel, seminar, lawatan, pemeriksaan, kajian, penyelidikan, penganjuran program jabatan dan persidangan sama ada di dalam atau luar negara.”

**- Perenggan 36, Ceraian UP.7.2.5,
Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022)
(Versi kemaskini terbaru pada 16 Januari 2024)**



PERATURAN BERKAITAN HADIAH

*Berdasarkan kepada Perenggan 5, Ceraian UP.7.2.5,
Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022)
(Versi kemaskini terbaru pada 16 Januari 2024)*

PEGAWAI (INDIVIDU)



JABATAN



PERSATUAN



PUNCA KUASA / LARANGAN BERKAITAN HADIAH

165. Penjawat awam menerima benda yang berharga, dengan tiada balasan, daripada orang yang ada kena mengena dalam apa-apa pembicaraan atau urusan yang dijalankan oleh penjawat awam itu.

Barang siapa, yang menjadi seorang penjawat awam, menerima atau mendapat, atau bersetuju menerima atau mencuba mendapat, untuk dirinya atau untuk seseorang lain, sesuatu benda yang berharga, dengan tiada balasan atau dengan suatu balasan yang ia ketahui tidak mencukupi, daripada seseorang yang ia ketahui telah, atau sedang, atau mungkin ada kena mengena dalam apa-apa pembicaraan atau urusan yang telah dijalankan, atau yang akan dijalankan, oleh penjawat awam itu, atau yang ada apa-apa perhubungan dengan kerja-kerja rasminya sendiri atau dengan kerja-kerja rasmi seseorang penjawat awam yang di bawahnya ia bekerja, atau daripada seseorang yang ia ketahui sebagai ada kepentingan atau bersangkutan dengan orang yang ada kena mengena demikian itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

**Seksyen 165
Kanun
Keseksaan**



PUNCA KUASA / LARANGAN BERKAITAN **HADIAH**

Peraturan 8(1)

Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993]

8. (1) Tertakluk kepada peruntukan peraturan ini, seseorang pegawai tidak boleh menerima atau memberi, atau tidak boleh membenarkan isteri atau suaminya atau mana-mana orang lain menerima atau memberi bagi pihaknya, secara langsung atau tak langsung, apa-apa hadiah (sama ada dalam bentuk Zahir atau selainnya) daripada atau kepada mana-mana persatuan, badan, orang atau kumpulan orang jika—

- (a) penerimaan atau pemberian hadiah itu mempunyai kaitan dengan apa-apa cara, dengan pelaksanaan tugas awam pegawai itu; dan
- (b) bentuk, amaun atau nilai hadiah itu tidak sepadan dengan maksud hadiah itu diberikan

PUNCA KUASA / LARANGAN BERKAITAN **KERAJIAN**

Peraturan 9

Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993]

9. Seseorang pegawai boleh memberi atau menerima apa-apa jenis keraian kepada atau daripada mana-mana orang jika –
- (a) keraian itu tidak dengan apa-apa cara mempengaruhi pelaksanaan tugas rasminya sebagai seorang pegawai awam bagi kepentingan orang itu; dan
 - (b) pemberian atau penerimaan keraian itu tidak dalam apa-apa cara tak konsisten dengan tatakelakuan yang ditetapkan di bawah peraturan 4.

Penerimaan / Pemberian Hadiah Oleh :

**Berdasarkan kepada Perenggan 6, Ceraian UP.7.2.5,
Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022)
(Versi kemaskini terbaru pada 16 Januari 2024)**

PEGAWAI (INDIVIDU)




- Penerimaan / pemberian hadiah semasa pelaksanaan tugas rasmi pegawai seperti sewaktu berurusan di premis Kerajaan, kaunter, lokasi penguatkuasaan, lawatan turun padang atau kehadiran di majlis rasmi.

- Penerimaan / pemberian hadiah dalam keadaan yang tidak melibatkan tugas rasmi seperti di majlis perkahwinan, hari jadi, keagamaan, pertunangan atau apa-apa jua keadaan

Penerimaan / Pemberian Hadiah Oleh Pegawai :

Berdasarkan kepada Perenggan 6(i)(1), Ceraian UP.7.2.5,
Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022)
(Versi kemaskini terbaru pada 16 Januari 2024)

PEGAWAI (INDIVIDU)



DILARANG

daripada menerima
atau memberi hadiah
jika melibatkan
tugas rasmi

Penerimaan Hadiah Dalam Keadaan Yang Sukar Ditolak :

**Berdasarkan kepada Perenggan 6(i)(6), Ceraian UP.7.2.5, Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022)
(Versi kemaskini terbaru pada 16 Januari 2024)**

Penganjur memberikan hadiah atau cenderamata kepada pegawai secara spontan semasa menghadiri atau melaksanakan tugas rasmi



Pemberian hadiah oleh rombongan delegasi luar negara sebagai tanda penghargaan kepada pegawai

Menerima hadiah semasa memenuhi jemputan atas kapasiti jawatan yang disandang

Pemimpin masyarakat atau penduduk setempat memberikan buah-buahan, sayur-sayuran, bunga, makanan, hasil kerja tangan penduduk dan seumpamanya sebagai penghargaan

Penerimaan Hadiah Yang Sukar Ditolak Perlu Diuruskan Seperti Berikut :

Berdasarkan kepada Perenggan 6(i)(7), Ceraian UP.7.2.5, Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022) (Versi kemaskini terbaru pada 16 Januari 2024)



Tidak perlu kelulusan Ketua Jabatan bagi hadiah bernilai **kurang dari RM300**



Jika hadiah yang diterima **bernilai RM300 ke atas**, perlu memohon kelulusan Ketua Jabatan sekembalinya ke pejabat



Jika hadiah yang diterima adalah **barang cepat rosak atau tidak tahan lama yang bernilai RM300 dan ke atas**, pegawai perlu memaklumkan seberapa segera yang praktik kepada Ketua Jabatan untuk mendapatkan kelulusan awal

Penerimaan Hadiah Yang Tidak Melibatkan Tugas Rasmi:

*Berdasarkan kepada Perenggan 6(ii), Ceraian UP.7.2.5, Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022)
(Versi kemaskini terbaru pada 16 Januari 2024)*

BIL	NILAI/ JENIS HADIAH	PEMBERI HADIAH	PROSEDUR PENERIMAAN
1.	Nilai hadiah kurang daripada $\frac{1}{4}$ emolumen atau kurang daripada RM500 (yang mana lebih rendah)	Orang perseorangan atau kumpulan orang (termasuk rakan sekerja), syarikat swasta, persatuan atau kerajaan asing	Tidak perlu kelulusan Ketua Jabatan
2.	Nilai hadiah adalah $\frac{1}{4}$ emolumen dan ke atas atau RM500 dan ke atas (yang mana lebih rendah)	Orang perseorangan atau kumpulan orang (termasuk rakan sekerja), syarikat swasta, persatuan atau kerajaan asing	Perlu mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan
3.	Barangan cepat rosak atau tidak tahan lama	Orang perseorangan atau kumpulan orang (termasuk rakan sekerja), syarikat swasta, persatuan atau kerajaan asing	Tidak perlu kelulusan Ketua Jabatan
4.	Apa-apa nilai	Ahli keluarga terdekat	Tidak perlu kelulusan Ketua Jabatan

INGAT! Walau apapun ketetapan di bawah perenggan 6(ii) Ceraian ini, pegawai awam hendaklah memastikan sebarang penerimaan hadiah yang tidak melibatkan tugas rasmi **tidak akan bercanggah dengan peraturan 4 P.U.(A) 395/1993 dan Akta SPRM 2009**



Ketua Jabatan boleh membuat ketetapan seperti berikut :


*Berdasarkan kepada Perenggan 9, Ceraian UP.7.2.5, Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022)
(Versi kemaskini terbaru pada 16 Januari 2024)*



Membenarkan pegawai menerima hadiah itu



Mengarahkan pegawai mengembalikan hadiah itu kepada pemberi



Hadiah tersebut digunakan oleh jabatan




Lain-lain keputusan yang wajar dan munasabah, sebagai contoh : hadiah itu didermakan kepada badan kebajikan

Penerimaan Hadiah Oleh Jabatan

*Berdasarkan kepada Perenggan 12, Ceraian UP.7.2.5,
Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022)
(Versi kemaskini terbaru pada 16 Januari 2024)*

JABATAN



DILARANG


MEMOHON HADIAH

daripada mana-mana orang perseorangan atau kumpulan orang, syarikat swasta, persatuan atau mana-mana pihak

Penerimaan Hadiah Oleh Jabatan

*Berdasarkan kepada Perenggan 13, Ceraian UP.7.2.5,
Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022)
(Versi kemaskini terbaru pada 16 Januari 2024)*

JABATAN




DIBENARKAN

MENERIMA HADIAH daripada mana-mana orang perseorangan atau kumpulan orang, syarikat swasta, persatuan atau mana-mana pihak

DENGAN KEBENARAN Ketua Setiausaha Kementerian atau Pegawai Pengawal

Syarat-Syarat Penerimaan Hadiah oleh Jabatan berdasarkan Perenggan 16 Ceraian UP.7.2.5, Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022)



Sumbangan Kepada Persatuan Yang Dianggotai Oleh Pegawai Awam

*Berdasarkan kepada Perenggan 24, Ceraian UP.7.2.5,
Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022)
(Versi kemaskini terbaru pada 16 Januari 2024)*

**PERSATUAN YANG
DIANGGOTAI OLEH
PEGAWAI AWAM**



DILARANG

- a) menyalahgunakan kebenaran memohon sumbangan melalui persatuan untuk kepentingan peribadi
- a) menggunakan kedudukan sebagai pegawai awam untuk mendapatkan sumbangan daripada pihak yang mempunyai kepentingan dengan Jabatan bagi mengekalkan imej pegawai awam yang berintegriti

Sumbangan Kepada Persatuan Yang Dianggotai Oleh Pegawai Awam

*Berdasarkan kepada Perenggan 25, Ceraian UP.7.2.5,
Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022)
(Versi kemaskini terbaru pada 16 Januari 2024)*

Apa-apa **sumbangan** yang diperolehi bagi melaksanakan aktiviti persatuan yang dianggotai oleh pegawai awam **hendaklah bebas daripada unsur-unsur paksaan** supaya tidak mencemarkan nama baik perkhidmatan awam




Adakah hadiah dan sumbangan oleh syarikat-syarikat swasta dan orang awam kepada Kelab Kebajikan dan Sukan masih perlu disalurkan kepada Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAMALAYSIA)?

Walaupun **Ceraian UP.7.2.5**, Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022) (Versi kemaskini terbaru pada 16 Januari 2024) **tidak lagi menyatakan keperluan untuk hadiah dan sumbangan berkenaan perlu melalui MAKSAMALAYSIA**, perlu diingat bahawa **Surat dari MAKSAMALAYSIA** dengan rujukan JPM/MAKSAMALAYSIA 400-5/9 bertarikh 15 Februari 2013 **adalah masih berkuatkuasa dan terpakai** untuk semua Kelab Kebajikan dan Sukan

Penerimaan Tajaan Oleh Pegawai :

*Berdasarkan kepada Perenggan 33, Ceraian UP.7.2.5,
Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022)
(Versi kemaskini terbaru pada 16 Januari 2024)*

PEGAWAI (INDIVIDU)



BOLEH

menerima sesuatu tajaan daripada pihak luar setelah terlebih dahulu **mendapat kelulusan Ketua Jabatan dan tajaan tersebut dibuat atas urusan rasmi** untuk kepentingan Jabatan.

Penerimaan Tajaan Oleh Pegawai :

Berdasarkan Perenggan 34, Ceraian UP.7.2.5, Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022) (Versi kemaskini terbaru pada 16 Januari 2024), kelulusan tajaan hendaklah dilaksanakan berdasarkan garis panduan penilaian yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan dengan mengambil kira perkara-perkara berikut :

- ✓ **memberi manfaat** kepada Jabatan dan pembangunan profesion pegawai
- ✓ **tiada tajaan** yang boleh diterima oleh pegawai **secara terus** daripada mana-mana penyumbang, pembekal atau kontraktor yang mendapat projek daripada Jabatan kecuali yang diluluskan melalui kaedah penilaian yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan



- ✓ **tempoh masa dan kekerapan** pegawai menerima tajaan sama ada di dalam atau luar negara hendaklah munasabah

- ✓ **tertakluk kepada syarat-syarat** yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak (Kerajaan dan penaja)
- ✓ pegawai **bebas** daripada sebarang **tindakan tatatertib**
- ✓ memberi peluang kepada semua pegawai yang **berprestasi baik dan layak**

LANGKAH PENCEGAHAN OLEH JABATAN

Berdasarkan kepada Perenggan 42 & Lampiran UP.7.2.5 (C), Ceraian UP.7.2.5, Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022) (Versi kemaskini terbaru pada 16 Januari 2024)

Semua fasiliti Kerajaan hendaklah **mempamerkan poster berkaitan dasar tidak menerima hadiah (no gift policy)** di pintu masuk utama, Bahagian, Cawangan dan lokasi yang bersesuaian untuk peringatan kepada pihak awam sebagai usaha mengekang amalan pemberian hadiah di premis Kerajaan

Contoh :



**Perbandingan
Lampiran
UP.7.2.5 (B)
dan (C),
Ceraian
UP.7.2.5,
MyPPSM
(Versi
kemaskini
terbaru pada
16 Januari
2024)**

LAMPIRAN UP.7.2.5 (B)

**AKUAN PEMBERIAN HADIAH/ SUMBANGAN KEPADA
(NAMA JABATAN)**

Saya _____ No. Kad Pengenalan

_____ yang mewakili _____

adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

1. Hadiah/ sumbangan yang diberikan ialah secara percuma tanpa sebarang syarat dan/ atau ikatan yang dikenakan oleh saya/ syarikat/ NGO/ entiti asing.
2. Hadiah/ sumbangan yang diberikan ialah secara sukarela dan bukan atas permintaan mana-mana pihak (nama Jabatan).
3. Saya/ syarikat tidak mempunyai apa-apa kepentingan dengan mana-mana pihak daripada (nama Jabatan).
4. Hadiah/ sumbangan yang disumbangkan/ dihadiahkan oleh saya/ syarikat/ NGO/ entiti asing ialah barang atau peralatan masih berfungsi dan diselenggara dengan baik dan alat-alat gantinya pula mudah diperolehi.
5. Pihak saya/ syarikat/ NGO/ entiti asing tidak akan menggunakan pemberian hadiah/ sumbangan ini untuk mendapatkan sebarang tawaran kontrak/ kelebihan dalam urusan rasmi dengan mana-mana pihak daripada (nama Jabatan) pada bila-bila masa.
6. Pihak (nama Jabatan) tidak terikat untuk menawarkan/ memberikan sebarang tawaran kontrak/ kelebihan dalam mana-mana urusan rasmi (nama Jabatan) kepada saya/ syarikat/ NGO/ entiti asing.

Yang benar,

.....

Nama :
Kad Pengenalan :
Tarikh :
Cop Syarikat/ NGO :

LAMPIRAN UP.7.2.5 (C)

**FORMAT POSTER BERKAITAN
DASAR TIDAK MENERIMA HADIAH
(NO GIFT POLICY)**

Nota: Poster sekurang-kurangnya bersaiz A3



(NAMA JABATAN)

KAMI MENGAMALKAN

**DASAR TIDAK
MENERIMA HADIAH
NO GIFT POLICY**



KAMI BENCI RASUAH



Perbandingan Seksyen 165 Kanun Keseksaan dengan Perenggan 6(i)(7) Ceraian UP.7.2.5, MyPPSM (Versi kemaskini terbaru pada 16 Januari 2024)

165. Penjawat awam menerima benda yang berharga, dengan tiada balasan, daripada orang yang ada kena mengena dalam apa-apa pembicaraan atau urusan yang dijalankan oleh penjawat awam itu.

Barang siapa, yang menjadi seorang penjawat awam, menerima atau mendapat, atau bersetuju menerima atau mencuba mendapat, untuk dirinya atau untuk seseorang lain, sesuatu benda yang berharga, dengan tiada balasan atau dengan suatu balasan yang ia ketahui tidak mencukupi, daripada seseorang yang ia ketahui telah, atau sedang, atau mungkin ada kena mengena dalam apa-apa pembicaraan atau urusan yang telah dijalankan, atau yang akan dijalankan, oleh penjawat awam itu, atau yang ada apa-apa perhubungan dengan kerja-kerja rasminya sendiri atau dengan **kerja-kerja rasmi** seseorang penjawat awam yang di bawahnya ia bekerja, atau daripada seseorang yang ia ketahui sebagai ada kepentingan atau bersangkutan dengan orang yang ada kena mengena demikian itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

(7) Oleh itu, dalam keadaan yang sukar ditolak, sebagaimana diperuntukkan di bawah subperaturan 8(4) P.U. (A) 395/1993, pegawai boleh terlebih dahulu menerima hadiah dan setiap penerimaan hadiah tersebut hendaklah diuruskan seperti berikut:

- (a) jika hadiah yang diterima bernilai kurang daripada RM300, pegawai tidak perlu kelulusan penerimaan hadiah tersebut;
- (b) jika hadiah yang diterima bernilai RM300 dan ke atas, pegawai perlu memohon kelulusan Ketua Jabatan sekembalinya ke pejabat menggunakan borang di **Lampiran UP.7.2.5 (A)**; dan
- (c) jika hadiah yang diterima adalah **barang cepat rosak atau tidak tahan lama** yang bernilai **RM300 dan ke atas**, pegawai perlu memaklumkan seberapa segera yang praktik mengikut kaedah komunikasi yang bersesuaian kepada Ketua Jabatan untuk mendapatkan **kelulusan awal** dan sekembalinya ke pejabat, melengkapkan borang di **Lampiran UP.7.2.5 (A)**.



Perbandingan Seksyen 165 Kanun Keseksaan dengan Perenggan 6(ii)(3) Ceraian UP.7.2.5, MyPPSM (Versi kemaskini terbaru pada 16 Januari 2024)

165. Penjawat awam menerima benda yang berharga, dengan tiada balasan, daripada orang yang ada kena mengena dalam apa-apa pembicaraan atau urusan yang dijalankan oleh penjawat awam itu.

Barang siapa, yang menjadi seorang penjawat awam, menerima atau mendapat, atau bersetuju menerima atau mencuba mendapat, untuk dirinya atau untuk seseorang lain, sesuatu benda yang berharga, dengan tiada balasan atau dengan suatu balasan yang ia ketahui tidak mencukupi, daripada seseorang yang ia ketahui telah, atau sedang, atau mungkin ada kena mengena dalam apa-apa pembicaraan atau urusan yang telah dijalankan, atau yang akan dijalankan, oleh penjawat awam itu, atau yang ada apa-apa perhubungan dengan kerja-kerja rasminya sendiri atau dengan kerja-kerja rasmi seseorang penjawat awam yang di bawahnya ia bekerja, atau daripada seseorang yang ia ketahui sebagai ada kepentingan atau bersangkutan dengan orang yang ada kena mengena demikian itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

TAFSIRAN	CONTOH
Penerimaan Hadiah oleh Pegawai	
Penerimaan hadiah di luar tugas rasmi	Contoh 1: Syarikat menghadahkan wang tunai berjumlah RM500 semasa majlis perkahwinan pegawai.
	Contoh 2: Penganjuran sukan bowling oleh syarikat yang disertai oleh pegawai secara percuma.
	Contoh 3: Syarikat menghantar hamper ke rumah pegawai sempena sambutan perayaan.
Pemberian Hadiah oleh Pegawai	
Pemberian hadiah di luar tugas rasmi	Contoh: Pegawai memberi hadiah seutas rantai leher emas sempena sambutan hari jadi Ketua Jabatan.



Hadiah / Sumbangan / Keraian BOLEH menjadi **RASUAH** sekiranya..


Pemberian hadiah akan menjadi rasuah apabila mempunyai ciri-ciri berikut:

1. Pemberi dan penerima hadiah **mempunyai hubungan rasmi**. Contohnya, pemberi hadiah adalah kontraktor, manakala, penerima hadiah adalah pegawai kerajaan (atau syarikat) yang terlibat dalam tender.
2. Pemberian hadiah mempunyai **balasan** tertentu yang berkaitan tugas rasmi penerima hadiah.
3. Pemberian hadiah akan **mempengaruhi keputusan** yang akan dibuat oleh si penerima.
4. Nilai hadiah **tidak setimpal** dengan maksud hadiah diberi.



Contoh Keadaan Penerimaan Hadiah Yang Sukar Ditolak

Ini **A**.. Pengarah di
Jabatan EIA JDN



A bersama pasukannya telah
menghadiri Expo EIA di
Shanghai, China pada tahun
2023



Ini **B**.. Pemilik syarikat
pembekal peralatan
berkaitan dengan tahap
pencemaran udara



Semasa membuat lawatan ke reruai syarikat milik
B, **A** telah diberikan satu beg cenderamata oleh
B sebagai tanda penghargaan. Setibanya di
pejabat, di dapati beg tersebut mengandungi
token / syiling emas



- Penafian : Ilustrasi adalah tidak berkaitan dengan mana-mana pihak dan hanya bagi tujuan pembelajaran sahaja

Contoh Penerimaan Hadiah Yang Tidak Dibenarkan



Ini **A**.. Pengurus Kanan di Jabatan Komunikasi Strategik JDN

JDN akan menganjurkan Minggu Alam Sekitar di Kuala Lumpur. **A** telah memilih syarikat **B** sebagai kontraktor bagi pemasangan pentas dan khemah. **A** dan **B** juga merupakan rakan baik. **B** juga telah beberapa kali menjalankan kerja di JDN.

Ini **B**.. Pemilik syarikat Event Padu Sdn Bhd



Bagi menjaga hubungan baik, **B** telah memberikan kepada **A** satu komputer riba jenama MacBook Pro 16" yang bernilai RM14,000.00. **A** telah menerima komputer riba tersebut.




* Penafian : Ilustrasi adalah tidak berkaitan dengan mana-mana pihak dan hanya bagi tujuan pembelajaran sahaja



Contoh Penerimaan Hadiah Yang Tidak Dibenarkan

Ini **A**.. Ketua Unit Integriti JDN



A merupakan Ketua Jawatankuasa Penilaian bagi penyediaan Buku Integriti JDN. Syarikat **B** perlu sunting dan bekalkan sebanyak 500 unit buku tersebut dalam tempoh 6 bulan. Selepas 6 bulan, syarikat **B** hanya menyiapkan 300 unit buku sahaja, namun dengan bantuan **A**, pembayaran penuh telah dibuat oleh JDN kepada syarikat **B**

Ini **B**.. Pemilik syarikat Lipat Buku Enterprise



Bagi menghargai JDNa baik **A**, **B** telah minta **A** pilih *smartphone* di Quat Tee Pu Mobile Shop dan **B** akan uruskan pembayaran *smartphone* tersebut. **A** terharu dan telah pilih *smartphone* pilihannya iaitu Samsung Galaxy Z Fold



* Penafian : Ilustrasi adalah tidak berkaitan dengan mana-mana pihak dan hanya bagi tujuan pembelajaran sahaja

PERTANYAAN RASUAH? IMBAS SINI :



Contoh situasi melibatkan penerimaan HADIAH oleh pegawai awam

Ini **A**. Juruteknik di JDN



B telah hantar laporan kemajuan kerja untuk tuntutan pembayaran kepada **A**. **A** telah uruskan seperti biasa proses tersebut. Selepas 1 minggu, bayaran telah dibuat oleh JDN kepada **B**.

Ini **B**.. Pemilik syarikat pembaikan peralatan semboyan



B merasa teruja dan telah berikan wang tunai **RM600** kepada **A** sebagai hadiah atas kehebatan **A** menjalankan tugas.

